

23/12/1998

Asnita ditubuh Mei

SABAN hari berlaku peristiwa yang menjadi kenangan peribadi, sejarah negara, pengalaman pahit mahupun manis sesebuah bangsa. Ia berlaku dalam pelbagai keadaan dan sesetengahnya di luar jangkaan. Berita Harian menyorot sebahagian daripada peristiwa pahit manis untuk sepanjang 1998.

Kegawatan ekonomi berpunca krisis kewangan dan pasaran saham yang melanda rantau ini tidak menghalang usaha untuk meningkatkan tabungan rakyat. Sebaliknya, usaha itu dilihat sebagai satu kaedah memperkasa semula sektor kewangan untuk menjana ekonomi negara.

Pergerakan Wanita Umno dan Wanita Barisan Nasional turut melihat potensi menabung di kalangan wanita negara ini yang boleh digembleng melalui dana yang dikenali sebagai Amanah Saham Wanita (Asnita).

Pada 5 Mei 1998, Asnita dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Ia membabitkan 400 juta unit saham dengan nilai RM0.50 seunit.

Sehari selepas itu (6 Mei 1998), pesawat Transmile TH5277 mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang tepat jam 8.40 pagi.

Pesawat itu membawa 340 jemaah haji dari Makkah. Pendaratan pesawat itu adalah sebagai persiapan menghadapi perasmian KLIA yang bernilai RM10 bilion pada Julai 1998.

Perkembangan di negara jiran - Republik Indonesia, kesan kegawatan ekonomi yang semakin meruncing mendesak sebahagian rakyatnya yang mengalami kesulitan mendapatkan bekalan makanan, merusuh di beberapa kota raya.

Pada 14 Mei 1998, rusuhan tercetus di kota Jakarta, yang mengorbankan ratusan penduduk. Kejadian itu memaksa Suharto meletakkan jawatan pada 21 Mei 1998 selepas 32 tahun menduduki kerusi Presiden Indonesia.

Sehingga kini, ketegangan masih berterusan malah merebak kepada konflik perkauman dan agama di beberapa bandar utama di republik itu.

Namun pada Jun 1998 tidak banyak peristiwa besar berlaku kecuali rentetan kejadian sebelum ini seperti krisis air di Lembah Klang serta rusuhan penduduk di beberapa kota besar di Indonesia yang masih gagal dibendung selepas BJ Habibie menerajui tampuk pemerintahan.

Pada Julai, negara mencatatkan sejarah tersendiri. Pada 12 Julai 1998, Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil, Kuala Lumpur, dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Kompleks itu berharga RM1.28 bilion termasuk Stadium Nasional yang boleh memuatkan lebih 100,000 penonton.

Kemudian pada 23 Julai 1998, Menteri Tugas-Tugas Khas, Tun Daim Zainuddin menunjukkan salinan Pelan Pemulihan Ekonomi Negara yang menggariskan tindakan drastik untuk menangani kegawatan ekonomi negara.

Malaysia adalah antara yang mengalami kegawatan ekonomi sejak Julai 1997 selepas Thailand dan Indonesia selain Korea Selatan.

(END)